

### Soalan 1 hingga 13

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


- 1 \_\_\_\_\_ mesti menjaga kebersihan kelas agar dapat belajar dalam keadaan selesa.  
A Kita  
B Aku  
C Beliau  
D Engkau
  
- 2 “Kebanyakan kuih tradisional Melayu dibuat \_\_\_\_\_ tepung beras,” kata Cef Roslan.  
A dari  
B antara  
C dengan  
D daripada
  
- 3 Nur Amira menyusun beberapa \_\_\_\_\_ kerusi di dalam kelas.  
A ruas  
B Buah  
C batang  
D rumpun
  
- 4 Puan Kamariah membeli dua \_\_\_\_\_ tembikai serta keperluan dapur di pasar tani pagi tadi.  
A Biji  
B papan  
C batang  
D tangkai
  
- 5 Sikap Nur Marissa Khyra yang \_\_\_\_\_ dan mudah mesra itu amat disenangi oleh semua rakan sekelasnya.  
A Malu  
B ramah  
C cerewet  
D murung
  
- 6 Semua murid diarahkan berkumpul \_\_\_\_\_ tapak perhimpunan apabila mendengar loceng amaran kebakaran.  
A daripada  
B Di  
C kepada  
D Ke

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Puan Rohaizat sedang menyediakan juadah makan tengah hari yang masih \_\_\_\_\_ untuk dinikmati oleh keluarganya.
- A enak
  - B lazat
  - C sejuk
  - D panas
- 8 Gadis yang berwajah \_\_\_\_\_ itu rupa-rupanya seorang artis.
- A kacak
  - B jelita
  - C Pelik
  - D buruk

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Sebuah monorel yang sarat dengan penumpang sedang \_\_\_\_\_ menuju ke Hentian Jalan Tuanku Abdul Rahman.
- A meluru
  - B melibas
  - C meluncur
  - D memusing
- 10 Lakukan senaman sekurang-kurangnya 30 minit sehari untuk menjamin badan yang \_\_\_\_\_.
- A kurus
  - B sihat
  - C sempit
  - D gempal

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Peniaga buah-buahan itu sedang \_\_\_\_\_ beberapa biji buah epal yang dibeli oleh seorang pelanggannya.
- A memilih
  - B menyusun
  - C menimbang
  - D membungkus
- 12 Puan Suhana berasa pening ketika melalui jalan yang \_\_\_\_\_ sepanjang perjalanan dari Tapah ke Cameron Highlands.
- A licin-licau
  - B lekak-lekuk
  - C lintang-pukang
  - D bengkok-bengkak
- 13 Amin menyusun baju di \_\_\_\_\_ almari.
- A dalam
  - B tengah
  - C hujung
  - D pangkal
- 14 Encik Majid terpaksa memberhentikan pekerjaanya yang \_\_\_\_\_ itu .
- A baik hati
  - B berat tulang
  - C hidung tinggi
  - D bongkok sabut

### Soalan 15

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 15
- I Kumpulan kadet remaja itu baharu sahaja turun dari Bukit Kayu Hitam.
  - II Kami terpaksa turun ke bandar hari ini untuk mencari juadah berbuka puasa.
  - III Pak Cik Dollah sedang turun buah rambutan menggunakan galah yang panjang.
  - IV Raja Malek ialah waris paling rapat dan turun daripada keluarga yang kaya raya.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

### Soalan 16

Pilih ayat yang betul.

- 16
- A Lelaki yang berjanggut putih itu tidak bapa saudara Ummu Maisarah.
  - B Daerah Batang Padang bukan di Negeri Sembilan tetapi di negeri Perak.
  - C Basikal antik di kedai itu tidak untuk dijual tetapi untuk pameran sahaja.
  - D Uniform sekolah bukan sesuai dipakai ketika menjalani latihan olahraga.

17 \_\_\_\_\_, bersihnya kawasan kantin dan tandas di sekolah kamu!

- A Amboi
- B Cis
- C Ah
- D Nah

### Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### MEMOHON KEBENARAN MELAWAT KILANG PERCETAKAN AKHBAR HARIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Saya bagi pihak Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Kampong Bahagia, Teluk Intan berhasrat untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat tuan seperti maklumat di bawah ini.

Tempat: **Akhbar Sinar Harian (M) Berhad**  
Masa: **Dijangka sampai pada pukul 11:30 pagi**  
Tarikh: **27 Mac 2021 (Sabtu)**  
Peserta: **40 orang murid dan 5 orang guru pengiring**

2. Persatuan Bahasa Melayu, SK Kampong Bahagia menganjurkan lawatan sambil belajar ke kilang percetakan tuan adalah untuk:
  - 2.1 meluaskan pengetahuan dan pengalaman murid
  - 2.2 melihat sendiri bagaimana berita disunting dan dicetak
  - 2.3 mengetahui tentang kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang percetakan
3. Sehubungan dengan itu, kami amat berharap semoga tuan boleh memberikan keizinan dan menerima kami untuk melawat ke kilang percetakan tuan. Kami juga ingin melihat cara-cara berita diproses sehingga menjadi senaskhah surat khabar.

- 18 Berapakah bilangan peserta yang akan menyertai lawatan sambil belajar itu?
  - A 40 orang
  - B 45 orang
  - C 48 orang
  - D 50 orang
- 19 Peranan utama yang dilaksanakan oleh Akhbar Sinar Harian (M) Berhad adalah untuk
  - A menyebarkan berita dan maklumat
  - B mendidik masyarakat gemar membaca
  - C memasarkan akhbar kepada orang ramai
  - D memastikan berita sampai kepada masyarakat
- 20 Berikut adalah antara tujuan utama dan matlamat lawatan sambil belajar, **kecuali**
  - A melihat cara-cara berita diproses, disunting dan dicetak
  - B mengetahui peluang kerjaya dalam bidang percetakan akhbar
  - C menambah ilmu pengetahuan baharu dalam kalangan murid dan guru
  - D mendapatkan ruang iklan percuma di Akhbar Sinar Harian (M) Berhad

#### BAHAGIAN A TAMAT

## BAHAGIAN B

### Soalan 21

Baca petikan berita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Gajah merupakan haiwan darat yang paling besar. Terdapat dua jenis gajah, iaitu Gajah Afrika dan Gajah Asia. Gajah Asia banyak terdapat di Sri Lanka.

Gajah mempunyai belalai yang panjang dan gading yang tajam. Telinga gajah lebar tetapi lembut. Kulit gajah pula tebal dan kasar. Tinggi gajah dewasa boleh mencapai sehingga tiga meter.

Gajah tinggal di dalam hutan. Gajah jantan suka hidup bersendirian manakala gajah betina pula hidup berkumpulan dengan anak-anaknya. Pucuk kayu muda dan buah-buahan merupakan makanan utama gajah.

Manusia menggunakan gajah untuk menarik kayu balak di hutan. Gajah juga digunakan bagi membawa barang-barang berat. Gajah boleh dijadikan tunggangan untuk membawa manusia dari satu tempat ke satu tempat pada zaman dahulu.

Jika dilatih, gajah boleh membuat persembahan di sarkas. Di Zoo Negara dan Zoo Taiping, kita boleh melihat gajah. Sayangnya, gajah semakin pupus akibat diburu oleh manusia untuk mendapatkan gading dan kulitnya.

(a) Apakah nama haiwan yang terbesar di darat?

\_\_\_\_\_ [2 markah]

(b) Nyatakan dua jenis gajah berpandukan petikan.

\_\_\_\_\_ [2 markah]

(c) Apakah dua jenis makanan kegemaran gajah?

\_\_\_\_\_ [2 markah]

(d) Manusia memburu gajah untuk mendapatkan

\_\_\_\_\_ [2 markah]

**Soalan 22**

Padankan **perkataan** yang **sesuai** berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripada telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Semua pengawas sekolah yang dilantik _____ akan menjalankan tugas dengan dedikasi.		berenang
(ii) Setiap minggu atlet remaja akan menjalani latihan _____ di Pusat Akuatik Negara.		berikrar
(iii) Air yang _____ merupakan tempat yang paling sesuai untuk nyamuk aedes bertelur.		berteduh
(iv) Azwar dan Azaki _____ di pondok perhentian bas kerana hujan lebat pada petang itu.		bertakung
(iv) Keluarga Encik Ali telah _____ ke tanah tinggi Cameron Highlands ketika usiannya tujuh tahun.		berhijrah

[4 markah]

**Soalan 22**

Beri maksud Bahasa Istana

1.gering - \_\_\_\_\_

2.makam - \_\_\_\_\_

3.iram-iram - \_\_\_\_\_

4.kaus - \_\_\_\_\_

5.santap - \_\_\_\_\_

( 10 markah)

**Soalan 23**


(a) Tandakan (✓) bagi penjodoh bilangan yang paling sesuai berpandukan gambar.

(i)



buah	<input type="checkbox"/>
butir	<input type="checkbox"/>
buku	<input type="checkbox"/>

(ii)




kaki	<input type="checkbox"/>
ekor	<input type="checkbox"/>
helai	<input type="checkbox"/>

[4 markah]


(b) Tandakan (✓) bagi simpulan bahasa yang paling sesuai berpandukan gambar.

(i)



rendah diri	<input type="checkbox"/>
ringan tulang	<input type="checkbox"/>
langkah kanan	<input type="checkbox"/>

(ii)



makan angin	<input type="checkbox"/>
jejak langkah	<input type="checkbox"/>
rambang mata	<input type="checkbox"/>

(4 markah)

**Soalan 24**

Beri kata **lawan**

1. sihat - \_\_\_\_\_

2. hidup - \_\_\_\_\_

3. ibu - \_\_\_\_\_

4. senang - \_\_\_\_\_

5. keruh - \_\_\_\_\_

( 10 markah )